

TARIKH : 14 MAC 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 26

Perdagangan jualan borong, runcit meningkat kepada RM135.1 bilion

Perdagangan jualan borong, runcit meningkat kepada RM135.1 bilion

Perdagangan borong dan runcit Malaysia meningkat 12.4 peratus pada Januari 2023 kepada RM135.1 bilion pada Januari lalu.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata peningkatan berbanding bulan yang sama tahun lalu disumbangkan oleh subsektor perdagangan runcit yang mencatatkan peningkatan sebanyak RM10.6 bilion atau 21.7 peratus kepada RM59.6 bilion.

Beliau berkata, kenderaan bermotor juga berkembang dengan 20.1 peratus atau RM2.5 bilion kepada RM15.2 bilion.

"Dalam tempoh yang sama, perdagangan borong meningkat 3.1 peratus atau RM1.8 bilion kepada RM60.4 bilion.

"Walau bagaimanapun, bagi perbandingan bulan ke bulan, nilai jualan perdagangan borong dan

runcit menurun 1.6 peratus, terutamanya disumbangkan oleh subsektor kenderaan bermotor yang merosot 13.4 peratus," katanya dalam satu kenyataan yang diterbitkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), semalam.

Mohd Uzir berkata, pertumbuhan subsektor perdagangan runcit sebanyak 21.7 peratus pada Januari disokong oleh jualan runcit di kedai bukan pengkhususan yang meningkat 24.6 peratus atau RM4.5 bilion kepada RM22.7 bilion.

Katanya, kumpulan lain dalam subsektor ini turut mencatatkan pertumbuhan positif iaitu jualan runcit di kedai pengkhususan (29.1 peratus), jualan runcit bahan api kenderaan (45 peratus), jualan runcit barangan isi rumah (10.9 peratus), jualan runcit makanan, minuman dan tembakau (17.5 peratus), jualan runcit peralatan komu-

nikasi dan maklumat (6.4 peratus), jualan runcit bukan di kedai, gerai atau pasar (10.9 peratus), jualan runcit di gerai dan pasar (19.8 peratus) serta jualan runcit barangan kesenian dan rekreasi (0.4 peratus).

"Bagi perbandingan bulan ke bulan, jualan subsektor ini meningkat 0.2 peratus," katanya.

Beliau menambah, pertumbuhan 20.1 peratus dalam subsektor kenderaan bermotor pada bulan berkenaan disumbangkan oleh jualan kenderaan bermotor yang meningkat 25 peratus atau RM1.5 bilion kepada RM7.7 bilion.

Katanya, ini diikuti oleh jualan komponen & aksesori kenderaan bermotor (15.9 peratus), penyelenggaraan dan pembaikan kenderaan bermotor (16.8 peratus) serta jualan, penyelenggaraan dan pembaikan motosikal (12.1 peratus).

"Walau bagaimanapun, bagi

Bagi perbandingan bulan ke bulan, nilai jualan perdagangan borong dan runcit menurun 1.6 peratus, terutamanya disumbangkan oleh subsektor kenderaan bermotor yang merosot 13.4 peratus

Mohd Uzir Mahidin,
Ketua Perangkawan
Malaysia



perbandingan bulanan, jualan subsektor ini menurun sebanyak 13.4 peratus, dipengaruhi oleh penurunan jualan kenderaan bermotor yang merosot 23.4 peratus," katanya.